



23 Februari 2024
23 February 2024
P.U. (A) 58

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PENETAPAN KETIDAKPAKAIAN)
(AMANAH PELABURAN HARTANAH) 2024

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES
(PRESCRIPTION FOR NON-APPLICATION)
(REAL ESTATE INVESTMENT TRUSTS) ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PENETAPAN KETIDAKPAKAIAN) (AMANAH PELABURAN HARTANAH) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 315(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Ketidakpakaian) (Amanah Pelaburan Hartanah) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 26 Februari 2024.

Ketidakpakaian

2. (1) Menteri menetapkan bahawa peruntukan perenggan 298(1)(a) dan (3)(a) Akta tidak terpakai bagi suatu syarikat pengurusan suatu amanah pelaburan hartanah bagi maksud—

(a) menyerahkan simpan dengan Suruhanjaya laporan tahunan amanah pelaburan hartanahnya dalam masa dua bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan amanah pelaburan hartanah itu; dan

(b) menghantar kepada tiap-tiap pemegang unit amanah pelaburan hartanah itu tanpa bayaran suatu salinan laporan tahunan yang disebut dalam subsubperenggan (a) dalam masa dua bulan selepas berakhir setiap tahun kewangan amanah pelaburan hartanah itu.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), syarikat pengurusan suatu amanah pelaburan hartanah itu hendaklah—

- (a) menyerah simpan dengan Suruhanjaya laporan tahunan amanah pelaburan hartanah dalam masa empat bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan amanah pelaburan hartanah itu; dan
- (b) menghantar kepada tiap-tiap pemegang unit amanah pelaburan hartanah tanpa bayaran suatu salinan laporan tahunan yang disebut dalam subsubperenggan (a) dalam masa empat bulan selepas berakhir setiap tahun kewangan amanah pelaburan hartanah itu.

Dibuat 21 Februari 2024

[MOF.SID(S)700-1/2/57;GC(LR)1/2023(291); PN(PU2)662/JLD.15]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan Kedua

CAPITAL MARKETS AND SERVICES ACT 2007

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRESCRIPTION FOR NON-APPLICATION)
(REAL ESTATE INVESTMENT TRUSTS) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 315(1) of the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671], the Minister, on the recommendation of the Commission, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Capital Markets and Services (Prescription for Non-Application) (Real Estate Investment Trusts) Order 2024**.

(2) This Order comes into operation on 26 February 2024.

Non-application

2. (1) The Minister prescribes that the provision of paragraphs 298(1)(a) and (3)(a) of the Act do not apply to a management company of a real estate investment trust for the purposes of—

(a) lodging with the Commission its annual report of a real estate investment trust within two months after the end of each financial year of the real estate investment trust; and

(b) sending to every unit holder of the real estate investment trust without charge a copy of the annual report referred to in subparagraph (a) within two months after the end of each financial year of the real estate investment trust.

(2) Notwithstanding subparagraph (1), the management company of a real estate investment trust shall—

- (a) lodge with the Commission the annual report of a real estate investment trust within four months after the end of each financial year of the real estate investment trust; and
- (b) send to every unit holder of real estate investment trust without charge a copy of the annual report referred to in subparagraph (a) within four months after the end of each financial year of the real estate investment trust.

Made 21 February 2024

[MOF.SID(S)700-1/2/57;GC(LR)1/2023(291); PN(PU2)662/JLD.15]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Second Minister of Finance